

## **PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TINGKATAN 4**

---

---

**SEJARAH**  
**KERTAS 1**  
**Satu jam**

---

---

### **JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru*

1 Apakah sumbangan kemajuan bidang perubatan berikut kepada tamadun Mesopotamia?

- 500 ubat dikatalogkan  
Cara mengubat penyakit dicatat

- A Mayat diawet
- B Tentera yang kuat
- C Pendidikan berkembang
- D Kod kedoktoran diperkenalkan

2 Gambar berikut menunjukkan arca Firaun Senuusret III iaitu pemerintah tamadun Mesir Purba.




Apakah sumbangan firaun tersebut?

- A Penciptaan roda
- B Penciptaan kertas
- C Pembinaan Piramid
- D Pembinaan sistem pengairan

3 Semasa pemerintahan Pericles, banyak sekolah falsafah didirikan di negara kota Athens. Apakah kesan perkembangan tersebut?

- A Menjadikan warganegaranya gagah perkasa
- B Menanamkan semangat taat setia kepada negara
- C Melahirkan cendikiawan pelbagai bidang
- D Meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir

- 4 Bagaimanakah anggota masyarakat dalam tamadun China dilantik dalam sistem pentadbiran?
- A Lulus temuduga  
B Pandai berpidato  
C Pandai bermain senjata  
D Lulus peperiksaan awam
- 5 Rajah berikut menunjukkan perubahan yang berlaku kepada Kerajaan Funan.



Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- A Kedudukan pelabuhan strategik  
B Peningkatan jumlah penduduk  
C Penambahan hasil pertanian  
D Kekayaan hasil laut
- 6 Srivijaya memiliki tentera laut yang besar dan kuat untuk mengawal Selat Melaka dan Selat Sunda.

Bagaimanakah kekuatan tentera tersebut memberi keuntungan kepada Srivijaya?

- A Memudahkan kutipan cukai  
B Memajukan perdagangan antarabangsa  
C Meluaskan kawasan pertanian  
D Mengawal sistem timbangan
- 7 Maklumat berikut berkaitan peperangan yang berlaku dalam masyarakat Arab Jahiliah.

<b>Perang al-Basus</b>
Berlaku antara Bani Taghlib dengan Bani Bakar
Seorang ahli Bani Taghlib telah dibunuuh oleh seorang Bani Bakar
Berlanjut selama 40 tahun

Apakah cara untuk membendung daripada berlaku peperangan tersebut?

- A Memodenkan ketenteraan  
B Membangunkan infrastruktur  
C Memupuk persefahaman  
D Memajukan ekonomi

- 8 Penyebaran Islam di Makkah telah menimbulkan reaksi penentangan daripada masyarakat Arab Quraisy.

Bagaimanakah cara masyarakat Arab Quraisy melakukan penentangan?

- A Membuat tembok sempadan
- B Memulau keluarga Rasulullah
- C Melancarkan perperangan
- D Mengadakan perjanjian dengan Parsi

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan perlumbagaan bertulis yang pertama didunia.

Piagam Madinah
Dirangka pada tahun 622M
Mengandungi 47 fasal

Apakah keistimewaan perlumbagaan tersebut?

- A Berpandukan wahyu
- B Berasaskan fatwa
- C Berbentuk lisan
- D Bersifat tegas

- 10 Senarai berikut berkaitan Perjanjian Hudaibiyah.

Termeterai pada tahun 628 M (6 Hijrah)
Gencatan senjata selama 10 tahun
Umat Islam mengerjakan umrah pada tahun 7 Hijrah

Mengapakah perjanjian tersebut penting kepada umat Islam?

- A Kaabah terpelihara daripada unsur jahiliah
- B Taraf masyarakat akan meningkat
- C Kerajaan Madinah diiktiraf
- D Pembentukan masyarakat yang bersatu

- 11 Bagaimanakah Khalifah Uthman mengukuhkan sistem pertahanan negara sehingga berjaya meluaskan kuasa ke kawasan berikut?

Tripoli  
Samarkand  
Afghanistan


- A Membentuk tentera laut
- B Membina kumpulan Janissari
- C Menubuhkan Diwanul Jundi
- D Menguatkan semangat ghazi

- 12 Apakah kesan peristiwa berikut terhadap Eropah?

Keruntuhan Gereja Ortodok  
Kejatuhan kerajaan Byzantine  
Penghijrahan orang Turki ke Balkan

- A Perdagangan merosot
- B Penaklukan Constantinople
- C Peperangan tercetus
- D Penyebaran Islam

- 13 Mengapa para pedagang Islam mengambil tindakan berikut?



- A Menambahkan keuntungan
- B Merupakan strategi perniagaan
- C Memenuhi tuntutan agama
- D Memudahkan urusan perdagangan

**14** Syeikh Nurudin al-Raniri dan Abdul Rauf Singkel menegaskan tentang kewajipan berjihad bagi setiap orang Islam. Konsep jihad dalam Islam tidak terhad kepada perjuangan menentang musuh tetapi turut meliputi aspek

- I membayar zakat
  - II meluaskan wilayah
  - III membasmi kemiskinan
  - IV membentuk kehidupan sempurna
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

**15** Adat Perpatih telah diguna pakai oleh orang Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan dan Naning.

Apakah ciri adat tersebut?

- A Perkahwinan sesama suku dibenarkan
- B Pemimpin dilantik berdasarkan keturunan
- C Pusaka dibahagikan mengikut hukum faraid
- D Penentuan jurai keturunan mengikut sebelah ibu

**16** Wang syiling berikut dikeluarkan di Melaka semasa pemerintahan Sultan Melaka keempat.



Apakah ciri mata wang tersebut?

- A Dikenali wang katun
- B Dilukis gambar istana
- C Ditulis nama pemerintah
- D Diperbuat daripada emas

17 Apakah kesan daripada pengenalan sistem berikut di Eropah?

Sistem Penggiliran Tanaman

- A Memagar kawasan ladang
- B Mengelakkan kesuburan tanah
- C Menggalakan kajian pertanian
- D Mengubah sistem pemilikan tanah

18 Kuasa Barat telah menggalakkan dasar imperialisme ke negara-negara Asia Tenggara dengan slogan berikut.

Mission civilisatrice  
The white man's burden

Apakah kesan dasar tersebut ?

- I Pengenalan tanaman komersial
  - II Perubahan demografi dalam negara
  - III Peningkatan ekonomi penduduk tempatan
  - IV Pengukuhan sistem perundangan tradisional
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 19 Gambar berikut menunjukkan jentera yang digunakan dalam erlombongan bijih timah di Tanah Melayu.



Apakah kesan penggunaan jentera tersebut ?

- A Penglibatan pembesar Melayu
- B Pertambahan tenaga kerja
- C Peningkatan harga keluaran
- D Penguasaan pemodal Eropah


- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha British mengawal perkembangan sekolah Cina di Tanah Melayu.

Tahun	Tindakan
1920	Memperkenalkan Enakmen Pendaftaran Sekolah

Mengapa British mengambil tindakan sedemikian?

- A Mengatasi kekurangan guru
- B Mewujudkan perasaan kekitaan
- C Membendung masalah jenayah
- D Menyekat pengaruh komunis

- 21 Rajah berikut berkaitan dengan golongan dalam sistem pentadbiran di Vietnam sebelum kedatangan Perancis.



Bagaimanakah golongan tersebut dilantik ke dalam sistem pentadbiran ?

- A Peperiksaan  
B Pilihan raya  
C Perwarisan  
D Pengiktirafan
- 22 Dialog berikut mungkin berlaku pada akhir abad ke-19 di Filipina.


Pegawai Amerika Syarikat : “ Filipina mestilah bekerjasama dengan kami”.

Emilio Aguinaldo : “ Baiklah, yang penting matlamat rakyat Filipina akan tercapai”.

Apakah matlamat kerjasama tersebut ?

- A Memantapkan sistem pertahanan  
B Menyatupadukan penduduk  
C Meningkatkan ekonomi  
D Mengusir Sepanyol

23 Ilustrasi berikut menunjukkan tokoh Tok Janggut yang menentang British di Kelantan.



Mengapakah tokoh tersebut menentang British?

- A Dilucutkan jawatan
- B Dipaksa membayar cukai
- C Dilarang mengutip ufti
- D Dikerah meneroka hutan

24 Maklumat berikut menerangkan Pasukan Force 136.

Terdiri daripada pegawai-pegawai tadbir Melayu  
Bekerjasama dengan pihak British

Apakah sumbangan pasukan tersebut?

- A Membantah penubuhan Melayu Raya
- B Menentang pendudukan Jepun
- C Menuntut kemerdekaan tanah air
- D Menghapuskan ancaman komunis

25 Jadual berikut berkaitan persatuan yang ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1934.

Persatuan	Matlamat
X	Menggalakkan ahli berkenalan Bertukar pendapat untuk memajukan diri dan bangsa

Apakah X?

- A Kesatuan Melayu Muda
- B Persatuan Melayu Sarawak
- C Kesatuan Melayu Singapura
- D Persatuan Sahabat Pena Malaya

26 Pada tahun 1866 negara Itali telah membantu Prussia menewaskan Austria.

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Penguasaan Venitia
- B Penaklukan Lombardy
- C Penyatuan rakyat Rom
- D Pengunduran tentera Perancis

27 Maklumat berikut berkaitan perlombagaan di negeri Melayu

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor
Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu


Apakah persamaan perlombagaan tersebut?

- A Mengukuhkan pertahanan negeri
- B Menghalang penjajahan asing
- C Menyatupadukan rakyat
- D Menghapuskan kegiatan jenayah

- 28** Mengapakah pertubuhan berikut menyokong pembentukan Malayan Union pada tahun 1946.

Parti Kebangsaan Melayu Malaya  
 Angkatan Pemuda Insaf  
 Angkatan Wanita Sedar

- A** Mengurangkan ancaman komunis
  - B** Menghapuskan sistem feudal
  - C** Melindungi hak istimewa bumiputera
  - D** Mengembalikan kuasa pembesar
- 29** Rajah berikut menunjukkan kontrak sosial yang diasaskan antara British dengan Raja-raja Melayu melalui perjanjian Persekutuan 1948



Mengapakah kontrak sosial tersebut diasaskan?

- A** Mengiktiraf ketuanan bangsa
  - B** Menyekat kemasukan imigran
  - C** Melindungi kekayaan negara
  - D** Mengukuhkan kuasa pembesar
- 30** Senarai berikut merujuk kepada wakil penduduk Tanah Melayu yang berunding dengan Sir Henry Gurney pada Julai 1950.

Tunku Yaakob ibni Sultan Abdul Hamid  
 Dr Lee Tiang Keng  
 Dato' E.E.C. Thuraisingam


Apakah kejayaan rundingan tersebut?

- A** Kemerdekaan diisyiharkan
- B** Pilihanraya Majlis Perundangan dirancang
- C** Sistem Ahli ditubuhkan
- D** Perpaduan kaum tercapai

31 Apakah manifesto Parti Perikatan semasa menyertai pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) pada tahun 1955?

- I Menjaga hak asasi manusia
  - II Mencapai kemerdekaan secepat mungkin
  - III Mengembalikan kuasa pembesar tempatan
  - IV Mewujudkan pendidikan tinggi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

32 Rajah berikut menerangkan faktor penubuhan Malaysia.



Apakah X?

- A Mengukuhkan kuasa raja
- B Mewujudkan perpaduan kaum
- C Melemahkan pengaruh komunis
- D Mengurangkan kemasukan imigran

*Seorang pendeta Nasrani bernama Buhaira telah meramalkan sesuatu tentang diri Nabi Muhammad s.aw.*

**33** Apakah ramalan tersebut?

- A** Nabi Muhammad s.aw. akan menjadi seorang rasul.
- B** Nabi Muhammad s.a.w. akan menjadi peniaga yang berjaya.
- C** Nabi Muhammad s.a.w. akan menjadi penakluk yang hebat.
- D** Nabi Muhammad s.a.w. akan dibunuh oleh orang Quraisy.

**34** Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w. digelar ‘al- Amin’?

- A** Pemaaf dan pengampun
- B** Suka membantu golongan miskin
- C** Bersifat amanah dan dipercayai
- D** Bergaul dengan semua orang.

**35** Antara berikut pernyataan manakah mengenai latar belakang Nabi Muhammad s.a.w.?

- I. Disusui dan dibela oleh Halimatus Sa’diyah.
- II. Dilahirkan pada Tahun Gajah sempena serangan tentera bergajah.
- III. Mengikuti rombongan perniagaan datuknya ke Syam ketika berusia 12 tahun.
- IV. Mengembala kambing kepunyaan Abdul Muttalib ketika masih kecil.

- A** I dan II
- B** II dan III
- C** III dan IV
- D** I dan IV

- *Uthman bin Affan*
- *Zubair bin Awam*
- *Al-Arqam bin Abu Arqam*
- *Ali bin Abu Talib*

**36** Apakah persamaan tokoh-tokoh di atas dengan penyebaran dakwah Islamiah di Makkah?

- A** Mereka golongan terawal memeluk Islam.
- B** Membantu Nabi s.a.w. berlindung di Gua Hirak
- C** Menolong Nabi s.a.w. melakukan Hijrah di Habsyah.
- D** Memberi modal kepada perjuangan Nabi Muhammad s.a.w.

**37** Apakah peristiwa penting yang berlaku kepada Nabi Muhammad s.a.w. ketika dakwah Islamiah disampaikan di Bukit Safa?

- A** Semua pembesar Quraisy memeluk Islam
- B** Pemuda Quraisy mengepung dan ingin membunuh Nabi s.a.w.
- C** Abu Lahab berdebat dan menghina baginda sehingga terganggu dakwah yang disampaikan.
- D** Sekumpulan orang Islam dibunuh dengan kejam oleh pemuda Quraisy Makkah.

- *Bilal bin Rabah*
- *Amir bin Fuhairah*
- *Zunainah*

**38** Apakah persamaan antara tokoh-tokoh di atas

- A** Pembesar Quraisy yang kaya.
- B** Penentang kepada penyebaran Islam.
- C** Pernah diseksa oleh orang Arab Quraisy.
- D** Panglima tentera Islam yang terkemuka.

**39** Mengapakah orang Arab Quraisy Makkah menentang ajaran Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. kepada mereka?

- I. Menggugat pengaruh dan kedudukan mereka.
- II. Islam mengamalkan prinsip persamaan taraf.
- III. Sikap dan peribadi Nabi s.a.w. tidak disenangi.
- IV. Ajaran Islam menggugat perusahaan mengukir patung.

**A** I, II dan III

**B** I, II dan IV

**C** I, III dan IV

**D** II, III dan IV

- Berhijrah ke Habsyah
- Berhijrah ke Taif
- Berhijrah ke Madinah

**40.** Mengapakah Nabi Muhammad mengambil tindakan di atas?

- I. Mencari perlindungan.
- II. Meneruskan penyebaran Islam.
- III. Menggelakkan tentangan orang Quraisy.
- IV. Memenuhi jemputan penduduk tempatan.

**A** I dan II

**B** II dan III

**C** III dan IV

**D** I dan IV

**KERTAS SOALAN TAMAT**

